

SULIT



UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER II SESSION 2023/2024

NAMA KURSUS	:	PERUNDANGAN DALAM INDUSTRI KREATIF
KOD KURSUS	:	DAG 22102
KOD PROGRAM	:	DAG
TARIKH PEPERIKSAAN	:	JULAI 2024
MASA	:	2 JAM 30 MINIT
ARAHAN	:	<ol style="list-style-type: none">1. JAWAB SEMUA SOALAN2. PEPERIKSAAN AKHIR INI DILAKSANAKAN SECARA<input type="checkbox"/> Buka buku<input checked="" type="checkbox"/> Tutup buku3. PELAJAR TIDAK DIBENARKAN MERUJUK KEPADA MANA-MANA SUMBER RUJUKAN BAGI PEPERIKSAAN YANG DILAKSANAKAN SECARA TUTUP BUKU.

SOALAN PEPERIKSAANINI MENGANDUNGEMPAT(4)MUKASURAT

TERBUKA

SULIT

S1 Perundangan dan etika saling berkait antara satu sama lain. Hal ini kerana perundangan dan etika merupakan elemen bersama dalam menegakkan keadilan sejagat. Selain itu, perundangan dan etika merupakan tunjang kepada keamanan masyarakat.

- (a) Apakah definisi etika yang anda fahami? Berikan definisi etika beserta contoh yang sesuai.

(4 markah)

- (b) Huraikan **TIGA (3)** elemen dalam rangkaian elektronik beserta contoh yang sesuai.

(6 markah)

- (c) Bincangkan **LIMA (5)** perbezaan di antara etika dan undang-undang beserta contoh yang sesuai.

(10 markah)

- (d) Fina merupakan seorang juruanimasi di syarikat ABC Productions. Beliau telah ditugaskan dalam menghasilkan video animasi bagi tujuan pengiklanan sabun cuci kereta. Hasilkan sebuah cadangan animasi yang boleh dihasilkan oleh Fina dengan mengaplikasi **DUA (2)** nilai-nilai baik sepanjang proses penghasilan animasi tersebut.

(5 markah)

S2 Karya seni merupakan satu idea dan buah fikiran yang akhirnya membentuk sebuah produk seni. Karya seni dibahagikan dalam pelbagai jenis seperti filem, lagu, puisi dan sebagainya.

- (a) Berikan definisi filem beserta contoh filem yang sesuai.

(4 markah)

- (b) Huraikan **DUA (2)** perbezaan diantara karya muzik dan karya ciptaan bersama beserta contoh yang sesuai.

(6 markah)

- (c) Bincangkan **LIMA (5)** elemen iaitu premis, program komputer, rakaman, salinan dan siaran yang terkandung dalam Akta Hakcipta 1987.

(10 markah)

- (d) Azman merupakan seorang penulis skrip filem animasi. Beliau telah menghasilkan skrip filem animasi berjudul Jojo bagi syarikat ABC Productions. Apakah saranan hak-hak beliau sebagai seorang pemilik karya asli bagi menjamin pemilikan beliau.

(5 markah)

S3 Malaysia merupakan negara demokrasi yang mengamalkan hak kebebasan bersuara. Ini dapat diperhatikan dalam kehidupan masyarakat pada masa kini.

- (a) Apakah definisi yang sesuai dengan kebebasan? Berikan definisi kebebasan beserta contoh yang sesuai.

(4 markah)

- (b) Apakah yang anda fahami mengenai kebebasan bersuara di Malaysia dan berikan **TIGA (3)** contoh yang sesuai mengenai hak kebebasan di Malaysia.

(6 markah)

- (c) Bincangkan **LIMA (5)** elemen yang terdapat dalam Akta Penapisan Filem Malaysia.

(10 markah)

- (d) Abu merupakan seorang pegawai pelulus filem setelah penapisan filem dijalankan. Berikan cadangan langkah yang perlu Abu gunakan dalam mengemukakan kelulusan atau pembatalan filem.

(5 markah)

TERBUKA

S4 Industri seni kreatif Malaysia merupakan salah satu cabang industri yang telah berjaya membangunkan sektor ekonomi Malaysia. Umumnya, industri ini dilindungi dengan beberapa undang-undang berkaitan bagi menjamin hak dan kelangsungan bahan seni kreatif tempatan.

- (a) Apakah definisi yang anda fahami mengenai sekuriti komputer dan berikan contoh yang sesuai.

(4 markah)

- (b) Huraikan **TIGA (3)** ciri-ciri etika profesionalisma yang dianjurkan oleh Lieberman.

(6 markah)

- (c) Bincangkan **TIGA (3)** kesan kepincangan dalam perlaksanaan penguatkuasaan harta intelek.

(9 markah)

- (d) Rosnah merupakan seorang juruanimasi dan pakar internet. Beliau diarahkan mengurus dan membuat projek animasi untuk universiti. Bagi menjalankan kerja tersebut, beliau perlu mematuhi etika yang disarankan dalam kod etika professional ACM. Senaraikan cadangan langkah yang perlu Rosnah gunakan bagi mematuhi kod etika profesional ACM dalam menjalankan projek tersebut.

(6 markah)

- SOALAN TAMAT -

TERBUKA